



**JAWATAN** : **PEGAWAI PERUBATAN**  
**GRED** : **UD10**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**JADUAL GAJI:**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM3,840.00	RM12,150.00	RM250.00

**ELAUN:**

Imbuhan Tetap Keraian	: RM400.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM400.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM300.00
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	: RM750.00

**SYARAT LANTIKAN:**

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred UD9: RM3,130.00); atau  
  
(ii) calon yang dilantik di bawah perenggan 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan perubatan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred UD9: RM3,130.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

- Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN GRED UD10, UD12, UD13, UD14 ATAU PAKAR UD15**

- Calon bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD10, UD12, UD13, UD14 atau Pakar UD15 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2; dan

- b) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.  
(Gaji permulaan lantikan pada Gred UD10: RM3,840.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred UD12: RM5,530.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred UD13: RM6,210.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred UD14: RM6,560.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred Pakar UD15: RM7,030.00).

**TARAF JAWATAN : TETAP/KONTRAK**  
**LOKASI : UTM JOHOR BAHRU**

**SYARAT TAMBAHAN:**

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
4. Sahsiah:
  - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
  - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
  - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
  - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
  - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.
5. Syarat tambahan / khas Pusat Tanggungjawab (PTJ):
  - i. Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MD)
  - ii. Pendaftaran Penuh Dengan Malaysia Medical Council (MMC)
  - iii. Sijil Amalan Tahunan/ Annual Practising Certificate (APC)
  - iv. *Basic Life Support Certificate*

**DESKRIPSI TUGAS:**

1. Melaksanakan perawatan bagi pesakit di pusat kesihatan agar warga kampus dalam keadaan yang sihat dan selamat.
2. Melaksanakan perawatan kecemasan menyelamatkan nyawa apabila berlaku keperluan di dalam premis dan lingkungan tanggungjawab agar pesakit mempunyai prognosis yang lebih baik.
3. Merancang dan mengikuti program- program latihan yang bersesuaian agar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan profesional.
4. Merancang, mengurus dan menyelia perlaksanaan strategi pengurusan risiko dan jaminan keselamatan pesakit.
5. Pengurusan risiko dan keselamatan pesakit (pelaksana).  
Melaksanakan sistem sedia ada bagi memastikan pengurusan risiko am dan jaminan keselamatan pesakit dilakukan dengan baik, teratur dan berkesan.
6. Melaksanakan program promosi kesihatan untuk meningkatkan pengetahuan dan memperkasakan masyarakat dalam menggalakkan penjagaan kesihatan sendiri.
7. Menjalankan tugas pengurusan dan pentadbiran mengikut portfolio yang telah ditetapkan.
8. Menjalankan tugas atas panggilan secara pasif (*passive on call*) untuk kes-kes kecemasan di luar waktu pejabat.

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

**Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)**

**Bahagian Sumber Manusia**

**Universiti Teknologi Malaysia,**

**81310 Johor Bahru**